

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(11)

Tarikh : 1 Mac 2024

KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG MENGUMUMKAN KADAR HARGA BARU BERKUATKUASA 1 MEI 2024

Perkhidmatan funikular Bukit Bendera seperti semua perkhidmatan lain telah terjejas oleh kos operasi dan penyelenggaraan yang sentiasa meningkat bagi perkhidmatan serta infrastruktur. PBBPP sentiasa melabur dalam menaik taraf prasarana dan kemudahan di Bukit Bendera untuk meningkatkan pengalaman pengunjung. Peningkatan dalam kos operasi dan penyelenggaraan juga disebabkan oleh inflasi dan kelemahan kadar pertukaran mata wang.

Keadaan yang tidak dapat dielakkan ini menyebabkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) perlu menyemak semula harga tiket dari semasa ke semasa. Semakan harga tiket terakhir dibuat pada tahun 2019.

PBBPP mengumumkan kadar harga baharu untuk tiket funikular berkuat kuasa **1 Mei 2024**. Kadar harga baharu, tiket **dua hala laluan biasa** untuk pemegang MyKad/MyKid/Pemegang ID yang sah (iaitu: MM2H, Permit Kerja, Pasangan Warganegara Malaysia dan lain-lain) berharga :-

- **RM16** untuk Dewasa
- **RM8** untuk Kanak-kanak (umur 4-12) dan Warga Emas (umur 60 tahun ke atas)

Bagi tiket sehalal laluan biasa untuk pemegang MyKad/ MyKid / Pemegang ID yang sah (iaitu: MM2H, Permit Kerja, Pasangan Warganegara Malaysia dan lain-lain) berharga :-

- **RM8** untuk Dewasa
- **RM4** untuk Kanak-kanak (umur 4-12) dan Warga Emas (umur 60 tahun ke atas)

Tiket **Sunrise** untuk pemegang MyKad dan MyKid yang boleh didapati pada musim luar puncak berharga **RM5**. Sila rujuk Lampiran yang dilampirkan untuk maklumat lanjut.

Bagi memastikan funikular boleh dinaiki oleh pemegang MyKad/MyKid dan penduduk tempatan, PBBPP memastikan harga tiket kekal **berpatutan**. Walaupun kadar harga berubah, harga tiket funikular Bukit Bendera kekal sebagai salah satu yang paling berpatutan di seluruh dunia.

PBBPP tidak berkompromi berkenaan aspek keselamatan dalam pengurusan dan operasi sistem funikular serta prasarana Bukit Bendera untuk keselesaan dan keselamatan pengunjung.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung atas sokongan berterusan mereka terhadap Bukit Bendera, menjadikannya pusat peranginan bukit pilihan di Malaysia dan rantau ini.

Ikuti Bukit Bendera di saluran media sosial untuk mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini atau layari www.penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 304
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 209
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 303
vivienloo@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 344
sylee@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880 ext. 355
ltan@penanghill.gov.my

LAMPIRAN

 Jadual A: Harga Tiket **SEMASA** (Sehingga 30 April 2024)

No	Kategori Tiket	MyKad / MyKid / Pemegang ID yang Sah*		STANDARD	
		Harga Laluan Biasa	Harga Laluan Ekspres	Harga Laluan Biasa	Harga Laluan Ekspres
		RM	RM	RM	RM
1.	Dewasa	12.00	40.00	30.00	80.00
2.	Tiket Sehala (Dewasa)	6.00	25.00	15.00	45.00
3.	Warga Emas (Usia ≥ 60 tahun, Tertakluk kepada Bukti Umur)	6.00	6.00	30.00	60.00
4.	Kanak-Kanak (Umur 4-12 tahun)	6.00	20.00	15.00	40.00
5.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	PERCUMA			
6.	Sunrise/Sunset**	3.00	N/A	N/A	N/A

 Jadual B: Harga Tiket **BAHARU** (Bermula 1 Mei 2024)

No	Kategori Tiket	MyKad / MyKid / Pemegang ID yang Sah*		STANDARD	
		Harga Laluan Biasa	Harga Laluan Ekspres	Harga Laluan Biasa	Harga Laluan Ekspres
		RM	RM	RM	RM
1.	Dewasa	16.00	40.00	30.00	80.00
2.	Tiket Sehala (Dewasa)	8.00	25.00	15.00	45.00
3.	Warga Emas (Usia ≥ 60 tahun, Tertakluk kepada Bukti Umur)	8.00	8.00	30.00	60.00
4.	Kanak-Kanak (Umur 4-12 tahun)	8.00	20.00	15.00	40.00
5.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	PERCUMA			
6.	Sunrise/Sunset**	5.00	N/A	N/A	N/A

Nota:

1. Harga tiket yang **DIWARNAKAN** adalah harga tiket **BAHARU**.
2. *Pemegang ID yang sah termasuk MM2H, Pemegang Permit Bekerja, Pasangan kepada warganegara Malaysia dan lain-lain
3. ** Harga promosi 'Sunrise / Sunset' hanya untuk pemegang MyKad/MyKid sahaja. Harga promosi 'Sunrise / Sunset' tidak ditawarkan pada cuti umum hujung minggu yang panjang, musim perayaan, musim cuti persekolahan dan musim puncak yang ditetapkan oleh pihak PBBPP. Sila rujuk kalender operasi di lawan sesawang PBBPP untuk maklumat lanjut.
4. Harga dan syarat-syarat tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu